

14 MAR 1999

Mahathir-Sokongan

HANYA RAKYAT BERHAK TENTUKAN MASA DEPAN NEGARA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata nasib dan masa depan negara hanya berhak ditentukan oleh rakyat Malaysia sendiri dan bukannya oleh pemimpin atau media asing.

Perdana Menteri berkata demikian kerana menurutnya ada orang luar yang berpendapat kerajaan sekarang dan beliau sendiri sudah tidak mendapat sokongan rakyat dan kononnya rakyat ingin menumbangkan kerajaan.

"Sebenarnya mereka ingin saya disingkirkan dan digantikan orang yang suka tunduk kepada mereka, yang akan menjual negara, sebab itu mereka melakukan usaha menumbangkan kerajaan. Mereka boleh usaha tetapi rakyat Malaysialah yang menentukan apakah nasib negara, bukan pemimpin atau media barat," katanya ketika berucap pada majlis perayaan ulangtahun ke-50 Kampung Baru Jinjang di sini.

Dr Mahathir juga berkata beliau yakin akan memenangi pilihan raya umum akan datang dengan Barisan Nasional mendapat sokongan majoriti rakyat Malaysia.

Ini terbukti melalui keputusan pilihan raya di Sabah kerana rakyat tahu Barisan Nasional memperjuangkan keamanan, kerjasama antara kaum dan pembangunan untuk negara bagi membolehkan mereka hidup lebih sempurna, katanya.

Semalam, BN memenangi pilihan raya negeri itu dengan mendapat 31 kerusi Dewan Undangan Negeri manakala baki 17 lagi dimenangi Parti Bersatu Sabah (PBS) sementara parti lain seperti Bersekutu, Setia, Pasok dan Pas gagal memperolehi sebarang kerusi.

Dr Mahathir berkata tiga bulan yang lalu, pemerhati politik di dalam dan luar negara mengatakan BN tidak boleh menang kerana kononnya rakyat Sabah sudah benci dan bosan dengan kerajaan pimpinan BN.

"Tetapi semalam mereka dapat melihat bagaimana BN menang dengan majoriti yang amat besar," katanya sambil menegaskan bahawa ini menunjukkan rakyat Sabah tahu apa yang mereka mahukan.

Beliau berkata BN sememangnya mementingkan pembangunan seperti yang dapat dilihat dengan jelas melalui kemajuan di Kuala Lumpur, kawasan sekitarnya serta di seluruh negara.

"Kita mesti mengingatkan diri kita kembali betapa teruknya kehidupan kita 50 tahun lalu tetapi atas usaha rakyat dan sebuah kerajaan yang prihatin, hari ini kita hidup lebih sempurna," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan yang memerintah memberikan pertimbangan secukupnya kepada masyarakat pelbagai kaum di negara ini yang semuanya mempunyai suara dalam kerajaan.

Ini, antara lain, membolehkan rakyat Malaysia hidup aman damai dan boleh menganjurkan perhimpunan seperti hari ini tanpa takut berlakunya kekacauan seperti yang terjadi di sesetengah negara lain.

Katanya lagi masyarakat berketurunan Cina juga boleh menjalankan perniagaan mereka tanpa sebarang gangguan walaupun negara menghadapi masalah ekonomi akibat serangan pedagang mata wang.

Perdana Menteri berkata kemampuan Malaysia mempertahankan diri daripada serangan sedemikian juga adalah kerana ia mempunyai kerajaan yang mendapat sokongan kuat daripada rakyat.

"Kalau kerajaan lemah, kita tidak dapat mempertahankan negara dan menolong rakyat...kerana itulah sokongan rakyat amat penting bagi membolehkan kerajaan membantu mereka," katanya.

Menyentuh sambutan hari ini, Dr Mahathir berkata kampung-kampung baru

diwujudkan 50 tahun lalu bertujuan melindungi penduduk yang kebanyakannya kaum Cina daripada ancaman penganas komunis di zaman penjajah.

Pengwujudan kampung seumpama itu berbeza sama sekali dengan pendapat sesetengah pihak yang menganggapnya tidak ubah seperti kem tahanan untuk kaum Yahudi yang diadakan oleh tentera Jerman dulu, katanya.

Ini kerana kawasan sedemikian telah terbukti sekarang, membangun dengan pesat sehingga menjadi pusat perniagaan, industri kecil dan sederhana serta mempunyai prasarana yang cukup.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba.

-- BERNAMA

MAM AR RON